



## Kolej Teknologi Perak

E-3-10, Greentown Square, Jalan Dato' Seri Ahmad Said,

30450 Ipoh, Perak, Malaysia.

Tel: 05-2416799 Fax: 05-2411659

Website : [www.itp.edu.my](http://www.itp.edu.my)

Tarikh : 22 Januari 2019

Assalamualaikum / Salam Sejahtera,

Saudara/i,

### MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ TEKNOLOGI PERAK (KTP) KE 9

Pihak kolej ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara/i kerana berjaya menamatkan pengajian peringkat **Sarjana Muda/ Diploma bagi Program Kolej Teknologi Perak**.

Sehubungan itu satu majlis konvokesyen akan diadakan bagi meraikan kejayaan saudara/i. Sukacita dimaklumkan bahawa majlis tersebut akan diadakan pada **4 Mei 2019 (Sabtu), bertempat di Hotel Impiana, Ipoh, Perak**.

Saudara/i dikehendaki membuat bayaran konvokesyen sejumlah **RM250.00**. Bayaran boleh dibuat melalui cara-cara berikut:

- i. Bayaran tunai di kaunter Kewangan Institut Teknologi Perak
- ii. Cek / Wang Pos / Kiriman Wang / Bank Draf diatas nama **INSTITUT TEKNOLOGI PERAK SDN. BHD.**
- iii. Deposit Tunai/Cek atau *online banking*– nombor akaun **8004921665 (bank CIMB)**

Walaupun, saudara/i dikehendaki untuk menyempurnakan proses penutupan fail pelajar, mengisi borang kajian tracer study dan menyelesaikan sebarang tunggakan (sekiranya ada) sebelum membuat bayaran konvokesyen. Bagi kaedah bayaran (iii) bukti bayaran (resit) serta maklumat peribadi (nama dan program) hendaklah diemelkan ke [konvo@itp.edu.my](mailto:konvo@itp.edu.my) dan salinan asal dibawa semasa pengambilan jubah.

Saudara/i boleh mengesahkan kehadiran anda ke majlis ini melalui pautan <https://goo.gl/GRTCGx> atau laman sesawang KTP ([www.itp.edu.my](http://www.itp.edu.my)) dibahagian *Admission/Alumni/Konvo*. Maklumbalas kehadiran dan bayaran hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada atau sebelum **22 Februari 2019**. Kad jemputan majlis akan diedarkan bagi pelajar yang mengesahkan kehadiran sahaja. Graduan juga dikehendaki untuk memuat turun maklumat penting konvokesyen (Etika Konvokesyen) di laman sesawang KTP untuk tindakan anda.

Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak urusetia konvo di talian 05-2416799 sambungan 131/128. Kerjasama saudara/i diucapkan terima kasih.

Sekian, dimaklumkan.

Urusetia Konvokesyen Ke – 9

Ini adalah cetakan komputer yang tidak memerlukan tandatangan



(wholly owned by Institut Teknologi Perak Sdn. Bhd. 418539-P)